

Rindu 'terjun' ke hati Jun Hoong

Oleh MUHAMMAD RIDUAN
MOHD. HANAFIAH

PEMENANG pingat perak Sukan Olimpik Rio 2016, Cheong Jun Hoong gagal menyembunyikan perasaan rindunya untuk kembali mewakili negara ketika rakan-rakan penerjun lain sudah mula mengambil bahagian dalam beberapa kejohanan antarabangsa untuk merebut slot ke Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Ketika ini, Jun Hoong terpaksa berehat antara enam hingga sembilan bulan susulan kecederaan lutut serius yang dialaminya tahun lalu.

Kecederaan kronik pada lutut kiri memaksanya mengorbankan impian menyertai Sukan Asia 2018 di Indonesia tahun lalu selepas terpaksa mengambil masa kira-kira antara enam hingga sembilan bulan untuk pulih sepenuhnya.

Bagaimanapun, atlet berusia 29 tahun itu enggan terburuburu untuk kembali ke pentas utama kerana mengakui perlu fokus pada proses pemulihan selepas menjalani pembedahan tahun lalu.

"Sekarang saya berlatih seperti biasa, cuma melakukannya secara berperingkat. Pada masa sama, saya juga masih lagi menjalani proses pemulihan daripada kecederaan lutut."

"Dengan usia yang semakin meningkat, sudah tentu kesihatan adalah keutamaan saya. Jadi, saya perlukan sedikit masa untuk pulih sepenuhnya," kata Jun Hoong kepada Kosmo! baru-baru ini.


Prestasi Jun Hoong amat cemerlang pada tahun lalu apabila berjaya mencapai beberapa kejayaan di pentas antarabangsa bersama rakan gandingannya, Pandelela Rinong.

Mereka meraih pingat perak acara 10 meter (m) platform seirama pada Sukan Olimpik Rio 2016 dan pingat emas Sukan Komanwel 2018 di Australia.

Kejayaan pasangan ini memenangi pingat emas pada Kejohanan Terjun Siri Dunia di Montreal, Kanada tahun lalu turut menyaksikan mereka dinobatkan sebagai Pasukan Wanita Terbaik Kebangsaan 2018.

Ditanya sama ada dia masih menjadi gandingan utama bersama Pandelela sekiranya pulih sepenuhnya daripada kecederaan, Jun Hoong menegaskan, semua keputusan itu bergantung kepada pengurusan pasukan terjun negara.

"Mengenai perkara tersebut, ia perlu ditentukan oleh persatuan sendiri dan saya hanya mahu melakukan yang terbaik untuk cepat pulih daripada ke-



JUN HOONG turut terlepas mewakili negara pada Sukan Asia 2018 di Indonesia kerana perlu berehat antara enam sehingga sembilan bulan untuk pulih daripada kecederaannya.

cederaan. Saya tidak akan berputus asa dan berharap dapat melalui ujian ini dengan baik. Saya juga amat mengharapkan sokongan daripada semua pihak," ujarnya.

Ketika ini, atlet kelahiran Perak itu masih berpeluang untuk merebut mata ke Sukan Olimpik di Tokyo dan perlu mencapai semula tahap kecergasannya jika mahu menyertai sekurang-kurang tiga kejohanan penting iaitu Kejohanan Dunia di Korea pada Julai depan diikuti Kejohanan Asia di Kuala Lumpur (6 hingga 8 September) selain Piala Dunia di Tokyo pada April tahun depan.

"Saya sudah menjalani latihan bersama jurulatih, namun terdapat sedikit masalah yang memaksa saya kembali menjalani proses pemulihian di Bahagian Perubatan Sukan, Institut Sukan Negara (ISN). Jadi, ia mungkin mengambil sedikit masa sebelum dapat kembali menjalani latihan secara penuh.

"Mengenai peluang ke Olimpik, saya perlu pastikan bahawa saya sempat menyertai Piala Dunia di Tokyo 2020. Meskipun ia adalah peluang terakhir, namun saya yakin mampu melakukannya jika tahap kecederaan saya pulih sepenuhnya.

"Sekiranya saya berada di kedudukan lima penerjun terbaik pun sudah dikira memadai untuk saya ke Sukan Olimpik. Tetapi sudah pasti saya mahu muncul juara supaya layak secara automatik ke sana," ujar Jun Hoong yang merupakan graduan Universiti Putra Malaysia (UPM).



GANDINGAN mantap Jun Hoong dan Pandelela telah menghadiahkan Malaysia pingat perak dalam acara 10m terjun seirama pada Sukan Olimpik Rio 2016 dan pingat emas Sukan Komanwel 2018 di Australia.

KIRI: Jun Hoong terpaksa berehat panjang kerana mengalami kecederaan pada lututnya sejak lalu.



JUN HOONG masih berpeluang merebut mata ke Sukan Olimpik 2020 di Tokyo dengan menyertai sekurang-kurang tiga kejohanan penting iaitu Kejohanan Dunia di Korea, Kejohanan Asia di Kuala Lumpur dan Piala Dunia di Tokyo tahun depan.